

Rakyat doa kebahagiaan PM

BH- 7/6/2007

Menteri Kabinet sambut baik, gembira berita pernikahan Abdullah, Jeanne

KUALA LUMPUR: Menteri Kabinet, Menteri Besar, pemimpin pelbagai peringkat dan perwakilan asing menyatakan rasa gembira dan mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bakal melangsungkan perkahwinan dengan Jeanne Abdullah, Sabtu ini.

Di LONDON, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata bagi pihak rakan jemaah menteri dan pentadbiran percaya keputusan Abdullah tentu akan memberi kebahagiaan dalam kehidupan Perdana Menteri.

"Ini saat yang sangat dinanti-nantikan rakyat Malaysia kerana kita sudah mendengar sebelum ini kemungkinan Abdullah akan berumah-tangga. Pengumuman semalam adalah sangat menggembirakan seluruh lapisan rakyat Malaysia.

"Kita juga amat memahami sebagai seorang pemimpin yang banyak beban tugas memimpin dan mentadbir negara, tentu dengan mempunyai seorang teman hidup satu pelengkap kepada kehidupan dan memberi kebahagiaan dalam hidupnya, insya-

Allah," katanya.

Sementara itu, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Rais Yatim pula melahirkan kesyukuran kerana Abdullah sudah mendapat pasangan hati.

"Kami mendoakan beliau lebih gembira, lebih bertenaga memimpin kami dan mentadbir negara sekaligus dengan perkahwinan tertutuplah khabar angin," katanya.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata segenap lapisan rakyat menumpang gembira majlis perkahwinan Perdana Menteri.

"Saya mengambil kesempatan ini untuk menjadi antara orang pertama mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri.

"Marilah kita semua mendoakan kebahagiaan berkekalan kepada pasangan baru ini," katanya sebelum memulakan ucapan sempena perasmian Pameran Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (Smidec) atau Smidex 2007, di sini semalam.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang juga Presiden MCA,

Datuk Seri Ong Ka Ting, pula berkata, bagi dirinya dan parti, gembira dengan berita itu dan percaya bakal isteri Perdana Menteri akan membawa kebahagiaan dalam hidup Abdullah.

"Semua rakyat Malaysia turut berkongsi kegembiraan bersama Perdana Menteri atas berita baik ini dan sentiasa mendoakan kebahagiaan yang tidak terhingga untuk Perdana Menteri dan keluarga beliau dan sentiasa mendoakan kebahagiaan untuknya dan keluarga," katanya menerusi kenyataan semalam.

Menteri Kerjaraya yang juga Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu mengalu-alukan keputusan itu dan mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri.

"Saya amat gembira mendengar berita itu daripada Perdana Menteri sendiri. Semoga mereka akan terus dirahmati dengan kebahagiaan. Saya percaya rakyat gembira mendengar berita perkahwinan beliau," katanya menerusi kenyataan media, semalam.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata semua Menteri Kabinet gembira se-

lepas mendengar pengumuman perkahwinan itu.

"Kita gembira dan ucap tahniah dengan perkembangan ini," katanya.

Di MELAKA, Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam mengucapkan tahniah dan seluruh rakyat Melaka bersyukur Perdana Menteri bertemu jodohnya serta akan sentiasa mendoakan kebahagiaan Abdullah.

"Saya dan seluruh rakyat Melaka mengucapkan tahniah kepada Pak Lah, Perdana Menteri yang kita kasihi bertemu jodoh," katanya.

Di KUALA TERENGGANU, Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh yang mewakili seluruh rakyat Terengganu berkata: "Kami ucapkan selamat pengantin baru dan kami mendoakan agar kehidupan Perdana Menteri dan keluarga sentiasa diberkati Allah."

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di Wisma Darul Iman, di sini, semalam.

Di IPOH, Menteri Besar, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali berkata: "Saya gembira mendengar berita ini dan yakin kehidupan harian Pak Lah

akan lebih terurus dan mendoakan agar beliau bahagia."

Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata kerajaan negeri, rakyat Pulau Pinang serta Parti Gerakan gembira mendengar perkembangan itu.

"Saya mengucapkan selamat pengantin baru kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri dan teman hidup beliau, Jeanne. Semoga mereka berdua selamat sejahtera dan berbahagia selama-lamanya," katanya dalam jawapan menerusi SMS semalam.

Di KOTA KINABALU, Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman merakamkan ucapan tahniah kepada Perdana Menteri bagi pihak dirinya dan rakyat Sabah.

Ucapan tahniah juga diterima daripada Amerika Syarikat melalui dutanya di sini Christopher J Lafleur yang menyifatkan pengumuman itu sebagai berita menggembirakan.

Ketua Eksekutif AirAsia Bhd (Air Asia), Datuk Tony Fernandes pula mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri dan berharap mereka akan berbahagia selama-lamanya.